

## Perbezaan Personaliti Psiko-Spiritual dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Semenanjung Malaysia

Nurwahidah Ab Gani<sup>1</sup>, Nooraini Othman<sup>1</sup> dan Siti Norayu Mohd Basir<sup>2</sup>

<sup>1</sup>UTM Perdana School, Universiti Teknologi Malaysia,  
International Campus, Kuala Lumpur

<sup>2</sup>Universiti Malaysia Perlis

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti profil ciri-ciri personaliti psiko-spiritual di Semenanjung Malaysia dari aspek lokasi sekolah (bandar dan luar bandar), jenis sekolah (sekolah berasrama penuh dan sekolah harian), aliran sekolah (aliran agama dan sains teknikal). Sekolah-sekolah yang terlibat di seluruh negeri Semenanjung Malaysia adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SMABK/Maahad), Sekolah Menengah Teknik/Vokasional (SMT/V) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti perbezaan antara sekolah-sekolah tersebut. Kajian ini telah dijalankan secara kuantitatif ke atas 1319 pelajar sekolah menengah di Semenanjung Malaysia dengan menggunakan soal selidik ‘*Ummatic Personality Inventory*’ (UPI) yang telah diuji kesahannya dan kebolehpercayaannya oleh Nooraini Othman (2008). Di dalam kajian ini, statistik deskriptif dalam bentuk skor min digunakan. Profil menunjukkan bahawa pelajar dari luar bandar lebih berpersonaliti psiko-spiritual dari aspek Ibadah, Amanah dan Ilmu berbanding pelajar di bandar. Bagi jenis sekolah pula menunjukkan bahawa pelajar sekolah berasrama penuh lebih berciri-ciri Ibadah, Amanah dan Ilmu berbanding pelajar sekolah harian. Pelajar sekolah agama adalah lebih tinggi skor min daripada pelajar sekolah sains teknikal dalam aspek Ibadah dan Amanah mereka. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa remaja, ibu bapa, guru-guru, kaunselor sekolah dan kementerian pendidikan perlu peka terhadap personaliti psiko-spiritual yang berbeza bagi setiap individu pelajar. Ibu bapa dan guru seharusnya memberi perhatian serius untuk memperbaiki personaliti psiko-spiritual dalam kalangan pelajar sebagai khalifah dan hamba Allah, secara tidak langsung dapat menangani masalah sosial Negara.

**Kata kunci:** Personaliti psiko-spiritual, skor min, lokasi, aliran, jenis, sekolah menengah.

## 1.0 PENGENALAN

Personaliti merujuk kepada perkataan Arab ‘sahsiah’ atau ‘akhlak’ yang dimiliki oleh seseorang. Perkataan akhlak berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud budi pekerti, perangai, tingkahlaku (tabiat) dan adat kebiasaan (Rohizan *et al.*, 2012). Akhlak inilah yang menentukan ketrampilan dan sikap individu itu sendiri. Akhlak adalah salah satu daripada cabang iman dan ibadah. Oleh itu, tidak sempurna iman dan ibadah seseorang tanpa perlakuan yang baik bersama dengan akhlak. Menurut Imam Al-Ghazali (2005), untuk memahami tingkahlaku manusia kita harus memahami watak jiwa (personaliti) manusia kerana jiwa itulah yang menggerakkan tingkahlakunya. Tingkahlaku bersifat individu yang berbeza menurut perbezaan faktor-faktor keturunan dan perolehan atau proses pembelajaran. Al-Quran menggalakkan tingkahlaku, akhlak dan perbuatan yang baik. Tingkahlaku membentuk personaliti (sahsiah) seseorang melalui akhlak dan perbuatan yang ditunjukkan oleh individu tersebut. Dengan kata lain, Al-Quran dan Hadis telah mengariskan nilai-nilai yang baik dalam mendidik tingkahlaku manusia. Kajian ini akan mengenalpasti sifat semulajadi manusia yang berhubungkait dengan tingkah laku, pemikiran dan emosi yang berdasarkan nilai-nilai dari perspektif Islam. Profil ini memasukkan aspek kerohanian bagi mengukur personaliti manusia terutama personaliti bagi seorang Muslim. Dimensi psiko-spiritual yang akan dibincangkan dalam konteks kajian ini adalah Ibadah, Amanah dan Ilmu.

## 2.0 METODOLOGI

Pengumpulan data dan persampelan responden reka bentuk kajian melibatkan pendekatan kuantitatif yang menggunakan soal selidik pengukuran kesahan dan kebolehpercayaan daripada instrumen *Ummatic Personality Inventory* (UPI) (Nooraini Othman, 2008). Soal selidik UPI ini terdiri daripada 3 bahagian iaitu ibadah, amanah dan ilmu. Skala Likert 6 pilihan digunakan bagi para pelajar menyatakan darjah kekerapan terhadap setiap item yang dikemukakan. Dalam ketiga-tiga bahagian pelajar diminta menyatakan darjah kekerapan mereka terhadap item yang dikemukakan sama ada Tidak Pernah lakukan (1) sehingga Sentiasa lakukan (6). Bahagian 1 mengandungi 30 item mengukur aktiviti-aktiviti Ibadah seharian setiap individu. Bahagian 2 terdiri daripada 28 item mengukur Amanah yang telah dipertanggungjawabkan terhadap setiap individu sebagai khalifah Allah dan hamba Allah. Bahagian 3 mempunyai 11 item yang mengukur pandangan individu terhadap kepentingan Ilmu dan aplikasi ilmu yang ada.

### 3.0 SAMPEL KAJIAN

Dalam kajian ini, pemilihan sampel menggunakan kaedah pensampelan rawak kelompok (*Cluster Random Sampling*). Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dibahagikan mengikut 4 kluster zon iaitu selatan, barat, timur dan utara. Zon selatan terdiri daripada sekolah-sekolah negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Zon barat terdiri daripada sekolah-sekolah sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor. Zon Timur pula terdiri daripada sekolah-sekolah sekitar Pahang, Terengganu dan Kelantan. Manakala, zon utara mewakili negeri Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang. Responden kajian merupakan pelajar sekolah menengah beragama Islam sahaja yang dipilih secara rawak daripada: 1-sekolah menengah harian, 2-sekolah menengah asrama penuh, 3-sekolah menengah beraliran agama, 4-sekolah sains atau teknik, 5-sekolah menengah yang terletak di luar bandar, dan 6-sekolah menengah yang terletak di bandar.

### 4.0 DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan demografi sampel kajian dari segi lokasi, aliran dan jenis sekolah. Jumlah pelajar di bandar ialah seramai 869 orang (66%), manakala jumlah pelajar dari kawasan luar bandar adalah seramai 450 orang (34%). Didapati bahawa responden daripada aliran sekolah menengah agama adalah seramai 668 orang (51%). Responden daripada aliran sekolah menengah bukan beraliran agama seperti sains, teknikal dan lain-lain adalah seramai 651 orang (49%). Responden berdasarkan jenis sekolah pula didapati bahawa seramai 548 orang (42%) responden adalah daripada sekolah menengah asrama penuh. Manakala, responden dari pelajar sekolah menengah harian adalah seramai 771 orang (58%).

**Jadual 1: Demografi Sampel Kajian**

Demografi	N	Faktor	Kekerapan	Peratus %
Lokasi sekolah	1319	Bandar	869	66
		Luar Bandar	450	34
Aliran sekolah	1319	Agama	668	51
		Sains/Teknikal	651	49
Jenis sekolah	1319	Asrama	548	42
		Harian	771	58

Jadual 2 menunjukkan bahawa profil personaliti psiko-spiritual bagi pelajar luar bandar lebih tinggi dalam semua skor min berbanding pelajar bandar. Skor min paling tinggi bagi pelajar luar bandar adalah ciri-ciri amanah (72.55), diikuti ilmu (54.85), dan ibadah (51.21). Jika dibandingkan di antara pelajar bandar dan pelajar luar bandar (Azhar, 2006) dan Sarimah Mokhtar (2011) mendapati pelajar bandar lebih mempunyai penghayatan akhlak berbanding pelajar luar bandar. Namun, penyelidik mendapati sebaliknya bahawa tidak semestinya prestasi pelajar di bandar sahaja yang baik. Remaja bandar didapati banyak menghadapi masalah sosial dan kerosakan akhlak jika dibandingkan berbanding remaja luar bandar (Mohd Amin, 2003).

**Jadual 2: Perbezaan Personaliti Psiko-Spiritual Berdasarkan Lokasi Sekolah**

Ciri-ciri personaliti	Min	
	Bandar	Luar bandar
Ibadah	49.68	51.21
Amanah	71.81	72.55
Ilmu	53.63	54.85

Jadual 3 menunjukkan bahawa profil mendapati bahawa pelajar sekolah agama lebih mempunyai ciri-ciri personaliti psiko-spiritual berbanding pelajar sekolah sains dan teknikal. Skor min paling tinggi bagi pelajar aliran agama adalah ciri-ciri amanah (72.75), diikuti ilmu (54.12), dan ibadah (51.40). Profil ini selari dengan kajian Sarimah *et.al* (2011) menunjukkan bahawa pelajar SMKA dan SMABK berada pada skor tertinggi dalam penghayatan akhlak berbanding dengan pelajar sekolah SMK dan SMT/V. Kajian Fauziah Ibrahim (2012) juga mendapati bahawa semakin tinggi pengetahuan agama maka semakin rendah kecenderungan remaja untuk terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral dan menyalahi undang-undang negara. Pendidikan agama dan pengetahuan agama merupakan medium dalam membentuk spiritual dan jati diri seseorang remaja (Nik Salida Suhaila, 2012).

**Jadual 3: Perbezaan Personaliti Psiko-Spiritual Berdasarkan Aliran Sekolah**

Ciri-ciri personaliti	Min	
	Agama	Sains / Teknikal
Ibadah	51.40	48.97
Amanah	72.75	71.36
Ilmu	54.12	53.97

Jadual 4 menunjukkan bahawa pelajar sekolah asrama lebih berpersonaliti psiko-spiritual jika dibandingkan dengan pelajar sekolah harian. Skor min paling tinggi bagi pelajar sekolah berasrama adalah ciri-ciri amanah (73.39), diikuti ilmu (54.83), dan ibadah (52.12). Profil ini selari dengan kajian yang dilaporkan oleh Mohd Zuri Ghani et al. (2010) mendapati bahawa wujud perbezaan yang signifikan bagi trait-trait personaliti kestabilan emosi, sekolah asrama lebih mempunyai personaliti kestabilan emosi berbanding dengan sekolah harian.

**Jadual 4: Perbezaan Personaliti Psiko-Spiritual Berdasarkan Sesi Persekolahan**

Ciri-ciri personaliti	Min	
	Asrama	Harian
Ibadah	52.12	48.84
Amanah	73.39	71.12
Ilmu	54.83	53.49

## 5.0 KESIMPULAN

Melalui dapatan kajian, penyelidik mendapati bahawa profil ciri-ciri psiko-spiritual dalam kalangan pelajar Islam sekolah menengah di Semenanjung Malaysia didominasi oleh pelajar sekolah luar bandar aliran agama berasrama penuh. Ini menunjukkan bahawa kekurangan di luar bandar, didikan agama dan peraturan di asrama telah membentuk personaliti pelajar yang lebih bercirikan psiko-spiritual sebagai seorang Muslim. Implikasi kajian terhadap remaja, ibubapa, guru-guru, kaunselor sekolah dan pihak Kementerian Pelajaran perlu dipandang serius dalam memberi bimbingan berterusan bagi membentuk personaliti remaja yang positif dan mempunyai jati diri yang utuh. Ibu bapa berperanan dalam membentuk keluarga perlu memberi pendidikan awal bermula dari rumah dan dibantu oleh guru-guru, pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran bagi mewujudkan pelbagai kegiatan dan program-program pendidikan yang membina sahsiah pelajar.

## RUJUKAN

- Al-Ghazali. (2005). *Akhlak Seorang Muslim*. Kuala Lumpur: Zafar Sdn.Bhd.
- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. (2012). Memperkasa pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkahlaku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 84-94.
- Mohd Zuri Ghani, Nik Rusila Nik Yaacob, Aznan Che Ahmad, Rahimi Che Aman & Zainuddin Mat Isa. (2010). Perbezaan personality kestabilan emosi dalam kalangan pelajar cerdas akademik berdasarkan jantungina dan jenis sekolah. *Asia Pacific Journal of Educator and Education*, 25, 153-167.
- Mohd. Amin Shariff. (2003). *Perkembangan Remaja Pandangan, Pemahaman dan Interpretasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Salida Suhaila Nik Saleh. (2010). Kekeluargaan Renggang Punca Masalah Sosial. *Utusan Malaysia*. Dimuat turun pada 19 Jun, 2006, dari <http://ddms.usim.edu.my>.
- Nooraini Othman. (2008). *The Development and validation of the Ummatic Personality Inventory*. Doctor Philosophy, International Islamic University Malaysia, Kuala Lumpur.
- Rohizan Ya, Ab. Halim Tamuri, Mohd Musnizam Jaafar, Khairul Najah Abd Rahim, & Mohd Hishamuddin Abd Hamid. (2012). *Peranan Guru Pendidikan Islam Menerusi Falsafah Pendidikan Islam Dalam Membentuk Kemenjadian Individu Murid Yang Berakhlak*. Fakulti Pendidikan, UKM Bangi.
- Sarimah Mokhtar, Mohd Kashifi Mohd Jailani, Ab.Halim Tamuri & Kamarulzaman Abdul Ghani. (2011). Kajian persepsi penghayatan akhlak Islam dalam kalangan pelajar ekolah menengah di Selangor. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, 1(1), 71-77.